

11/09/1997

Bon Tanda Aras ditawarkan hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Bon Tanda Aras pertama Khazanah Nasional Bhd (Khazanah Nasional) bernilai RM1 bilion yang akan diterbitkan 18 September ini, mula dibuka untuk tender menerusi Sistem Tender Automatik (FAST) Bank Negara pada 11 September ini.

Bon yang mempunyai tempoh pegangan tiga tahun itu bertujuan merangsangkan pertumbuhan pasaran sekuriti Malaysia, selain akan digunakan untuk membantu pasaran saham tempatan.

Dalam kenyataan di Kuala Lumpur hari ini, Khazanah Nasional berharap dengan pertumbuhan terbitan bon tanda aras berkenaan, pasaran sekunder untuk bon akan lebih cekap dan cergas.

Pelancaran bon tanda aras Khazanah Nasional juga tepat dengan masanya dalam membantu pembangunan pasaran hadapan dan opsyen bon ke arah memperluas dan mengukuhkan lagi pasaran kewangan derivatif.

"Dan selari dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan tabungan yang lebih besar di kalangan rakyat, syarikat tabung amanah dan institusi perbankan kini boleh menawarkan instrumen pelaburan tambahan dalam bentuk dana bon dan skim simpanan berkaitan bon," katanya sambil menyatakan bon itu turut bermatlamat meningkatkan pertumbuhan pasaran hutang tempatan.

Bon tanda aras itu yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu, akan digunakan sebagai sebahagian dana khas RM60 juta bagi menyokong Bursa Saham Kuala Lumpur, yang menerima tekanan jualan akibat kegiatan manipulasi pihak tertentu.

Bon itu dilancarkan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena majlis makan malam anjuran Persatuan Bank-Bank di Malaysia di sini, malam tadi.

Majlis menandatangani bagi pelancaran bon berkenaan turut diadakan di antara Khazanah, PB Trustee Services Bhd (bagi pihak pemegang bon) dan Bank Negara yang bertindak sebagai pendepositori serta ejen pembayaran, semalam.

Ciri utama Bon Tanda Aras Khazanah termasuk berbentuk kupon-sifar berasaskan konsep Murabahah; dijamin penuh kerajaan Malaysia; diterbitkan secara suku tahunan dengan tempoh matang tiga, lima, tujuh dan 10 tahun serta saiz terbitan tidak akan kurang daripada RM500 juta bagi setiap terbitan.

Selain itu, bon berkenaan juga tidak layak untuk status kecairan aset tetapi ia dimasukkan dalam menentukan jumlah urus niaga bagi tujuan netting off terhadap asas kelayakan kecairan; penawaran berdaya saing berasaskan kepada harga melalui wakil Peniaga Utama FAST Bank Negara dan akan diurus niagakan dalam Sistem Perniagaan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS).

Khazanah Nasional, yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan, berkata ia mengurus aset kerajaan untuk mengoptimumkan pulangan dan akan berkedudukan baik untuk memastikan hasil pendapatan terbitan bon tanda aras itu dilaburkan semula secara berhemat bagi mempertahankan serta memperbaiki pengkadaran risiko Khazanah Nasional pada setiap masa.

(END)